

**Selangor Catat Pengundi Belum Daftar Tertinggi - SPR  
Bernama  
4 Jun, 2012**

KUALA TERENGGANU, 4 Jun (Bernama) -- Selangor mencatat jumlah layak mengundi belum mendaftar tertinggi dengan angkanya mencecah 600,000 orang daripada dua juta yang layak di negeri itu.

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata secara keseluruhan masih terdapat 3.65 juta rakyat Malaysia belum mendaftar sebagai pemilih daripada 16.5 juta yang layak di seluruh negara.

"Kita dapati negeri lain seperti Johor, Kuala Lumpur, Perak dan Kelantan turut tidak terkecuali, masih ramai yang layak belum mendaftar.

"Bagaimanapun saya kagum dengan Terengganu, iaitu antara negeri yang berjaya mencatat jumlah pengundi belum daftar yang kecil dengan hanya sekitar 46,000 orang sahaja," katanya kepada pemberita, di sini Isnin.

Wan Ahmad berkata di Johor terdapat hampir 500,000 belum mendaftar sebagai pemilih, manakala di Kuala Lumpur 350,000 dan Kelantan 200,000 orang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=670709>